



Menulis

Gambus dan Kompang

Hanif dan Nabila sedang membaca maklumat tentang dua jenis alat muzik tradisional, iaitu gambus dan kompang.

Gambus ialah sejenis alat muzik tradisional bertali di Malaysia. Gambus berbentuk seperti buah pear yang dibelah dua. Gambus tergolong dalam alat muzik jenis “petik” yang dikatakan berasal dari Timur Tengah. Gambus terdapat dalam pelbagai jenis, iaitu gambus tiga tali sehinggalah gambus yang mempunyai 12 tali. Gambus dimainkan untuk mengiringi persembahan ghazal, zapin, inang dan joget.



IMBAS SAYA

Kompang ialah alat muzik tradisional. Alat muzik ini popular dalam kalangan masyarakat Melayu. Kompang tergolong dalam kumpulan alat muzik gendang. Kulit kompang biasanya diperbuat daripada kulit kambing.

Kompang biasanya berukuran 16 inci ukur lilit. Kompang ditutup dengan kepingan kulit pada sebelah permukaan. Kompang dimainkan dengan memegangnya menggunakan sebelah tangan. Kemudian dipalu dengan sebelah tangan yang lain!

Cara mengmalu kompang adalah dengan mengtepu kulit kompang dengan bahagian jari-jari atau tapak tangan menikut rentak. Kompang biasanya dimainkan dalam pelbagai acara seperti perarakan kenduri, majlis rasmi dan upacara-upacara tradisi lain.

Kita haruslah mempelajari alat muzik ini agar

LIVEWORKSHEETS